

12 MAY 1999

NAIB PRESIDEN IRAQ BERLEPAS KE HANOI

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Naib presiden Iraq Taha Yasseen Ramadhan berlepas ke Hanoi hari ini selepas lawatan empat hari ke Malaysia bertujuan memperkukuhkan hubungan dua hala.

Timbalan Menteri Luar Datuk Leo Micheal Toyad dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Fauzi Abdul Rahman selaku menteri pengiring berada di Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang untuk mengucapkan selamat jalan kepada Taha.

Taha, 60, merupakan pegawai tertinggi Iraq untuk melawat Malaysia sejak kedua-dua negara menjalin hubungan diplomatik 35 tahun lepas. Lawatan Taha adalah atas jemputan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Semasa berada di sini, beliau mengadap Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau juga bertemu Abdullah dan mengadakan perbincangan dengan Presiden Petronas Tan Sri Hassan Marican.

-- BERNAMA

NHD PR